

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
Ogos/ September
2008
2 jam



JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2008

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan di halaman 10.*
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. *Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya. Jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Tulis nama dan tingkatan anda pada kertas jawapan di halaman 14.*
5. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

1223/1

[Lihat sebelah
SULIT

SULIT

1223/1

KERTAS JAWAPAN UNTUK BAHAGIAN A

NO.KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

					-						
--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA :

ARAHAN: Hitamkan jawapan yang betul

1	A	B	C	D
2	A	B	C	D
3	A	B	C	D
4	A	B	C	D
5	A	B	C	D
6	A	B	C	D
7	A	B	C	D
8	A	B	C	D
9	A	B	C	D
10	A	B	C	D
11	A	B	C	D
12	A	B	C	D
13	A	B	C	D
14	A	B	C	D
15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D

21	
22	
23	
24	
25	
26	
27	
28	
29	
30	
31	
32	
33	
34	
35	
36	
37	
38	
39	
40	

MARKAH OBJEKTIF

MARKAH ITK

JUMLAH Bahagian A

Bahagian A
[40 markah]

Soalan 1 hingga soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D**. **Hitamkan jawapan yang tepat pada kertas jawapan yang disediakan.**

1. Berpura-pura melahirkan keimanan sedangkan hati tetap kufur kepada Allah ialah pengertian

- A Nifak
- B Kufur
- C Murtad
- D Khurafat

- Menganggap al-Quran mempunyai makna zahir dan batin
- Menghalalkan minum arak
- Kumpulan yang radikal dan sesat

2. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Syiah Zaidiyah
- B Syiah Imamiyah
- C Syiah Batiniyah
- D Khawarij

3. Berikut adalah hikmat dilarang makan harta anak yatim **kecuali**

- A mencabul hak anak yatim
- B menjaga sumber pendapatan
- C menjamin kehidupan anak yatim
- D memelihara hubungan silaturahim

4. Manakah pernyataan yang tepat mengenai ciri-ciri kesesatan ajaran Qadyani ?

- A Beriktidad batin manusia ialah Allah
- B Mengharuskan zina melalui nikah batin
- C Menganggap Arce di Palestin sebagai kiblat baru.
- D Beriktidad gurunya sebagai al Mahdi, nabi dan jelmaan Krisna

- Umat Islam akan ditindas
- Merendahkan mertabat agama
- Mengancam keselamatan negara

5. Pernyataan di atas merujuk kepada akibat

- A makan riba
- B mengumpat dan memfitnah
- C menipu dan bercakap bohong
- D melarikan diri dari medan perang

6. Antara yang berikut, bandingan gadaian dan hutang yang manakah benar ?


Bil	Gadaian	Hutang
I.	Ada cagaran tertentu	Tiada cagaran
II.	Hukum membayarnya harus	Hukum membayarnya wajib
III.	Tidak memerlukan saksi	Memerlukan saksi
IV.	Barang gadaian tidak lupus apabila tamat tempoh	Bayaran lupus apabila tamat tempoh.

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV


- Kematian salah seorang rakan kongsi
- Rakan kongsi hilang kelayakan

7. Penyataan di atas mengakibatkan syarikat

- A batal
- B mufliis
- C dilelong
- D menanggung hutang



8. Jual beli yang bertanda X di atas merujuk kepada
- mengamalkan monopoli
 - menjual barang yang halal bertujuan maksiat
 - menjual buah-buahan yang putik di atas pokok
 - membeli barang yang sedang dibeli oleh orang lain
9. Selain daripada berniat ihram di miqat, wajib umrah ialah.
- bermalam di Mina
 - bermalam di Muzdalifah
 - melontar di Jamratul Aqabah
 - meninggalkan larangan ihram
10. Antara pernyataan yang berikut, manakah syarat-syarat sah Sai?
- Cukup tujuh kali dengan yakin
 - Berlari-lari anak di kawasan bertanda hijau
 - Dilakukan sebelum tawaf Rukun atau Qudum
 - Bermula di Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
11. Suami berkata kepada isterinya dalam keadaan marah:




- I dan II
- II dan III
- I dan IV
- III dan IV

**LIHAT SEBELAH
SULIT**

Firman Allah SWT bermaksud: orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedangkan mereka tidak ada saksi kecuali diri mereka sendiri, hendaklah bersumpah empat kali dengan menyebut nama Allah bahawa sesungguhnya dia adalah orang yang benar.


(Surah an-Nur :ayat 6)

12. Petikan ayat al-Quran di atas adalah berkaitan dengan
- A Nusyuz
 - B Zihar
 - C Qazaf
 - D Lian



13. X dalam rajah di atas ialah
- A membaca Basmalah
 - B mati dengan sekali sembelihan
 - C memutus urat halkum dan urat mari
 - D melakukan sembelihan di hadapan binatang lain
14. Antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan Bani Umayyah untuk memperkuatkan ketenteraan ialah
- A melantik panglima tentera dari kalangan bukan Arab.
 - B mengadakan latihan ketenteraan secara umum.
 - C membuka penyertaan secara sukarela.
 - D mengemas kini angkatan tentera.

LIHAT SEBELAH
SULIT



15. Kerajaan X merujuk kepada pemerintahan

- A Umayyah
- B Uthmaniah
- C Uthman bin al- Affan
- D Umar bin Abdul Aziz

16. Gelaran kepada empat sahabat yang memegang jawatan dalam negara Islam dikenali sebagai

- A Khulafa' ar-Rasyidin
- B Wilayatul ahdi
- C Khalifah
- D Wazir

- Petah berpidato
- Berjiwa seni melalui pantun dan syair dalam karyanya
- Berani membangkitkan semangat menentang Belanda di Sumatera

17. Pernyataan di atas adalah mengenai tokoh

- A HAMKA
- B Ibnu Khaldun
- C Sheikh Tahir Jalaluddin
- D Sheikh Muhammad Abduh

18. Imam Ahmad bin Hanbal adalah seorang tokoh terkemuka yang pernah berguru dengan

- A Imam Hanafi
- B Imam Syafie
- C Imam Ghazali
- D Imam Bukhari

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ
رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَطِيْلًا سُبْحٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

(Ali Imran : 191)

Maksudnya; Orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, Maka peliharalah kami dari siksa neraka.

- 19 Ayat di atas menceritakan tentang pentingnya berfikir menurut Islam kerana ianya dapat
- A mengurangkan kemampuan akal
 - B menzahirkan kelebihan diri
 - C meningkatkan iman dan amal kepada Allah
 - D membuktikan manusia sama tarafnya dengan makhluk yang lain

(Al-Baqarah: 275)

وَاحِلَّ اللّٰهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا


Maksudnya: Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

- 20 Pernyataan manakah paling tepat merujuk kepada adab berniaga yang di larang dalam ayat di atas ?
- A Melakukan penipuan
 - B Melakukan amalan riba
 - C Mengaut keuntungan yang berlebihan
 - D Mengurangkan sukatan dan timbangan


Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- 21 Bahan yang mengkhayalkan dan menghilangkan daya fikiran adalah sejenis _____ yang diharamkan oleh Islam
- 22 Nyatakan hukuman hudud yang dikenakan bagi kesalahan berikut.




Soalan 23 adalah berdasarkan rajah di bawah.



- 23 Nyatakan pandangan Ahli Sunah Waljamaah mengenai X

Soalan 24 berdasarkan carta di bawah




- 24 X dalam rajah di atas ialah _____
- 25 Haji _____ ialah mengerjakan umrah terlebih dahulu pada bulan haji diikuti dengan mengerjakan haji

- 26 _____ ialah langkah awal dalam proses memilih calon isteri yang sesuai serta menepati ciri-ciri yang dikehendaki.

Hj. Zamri telah memotong kuku semasa berada di dalam ihram umrahnya

- 27 Nama dam yang perlu dibayar oleh beliau ialah _____
- 28 Bapa dan _____ adalah wali mujbir yang berhak menikahkan anak gadisnya tanpa izin.
- 29 Syarat saksi dalam majlis perkahwinan ialah Islam, lelaki, baligh dan memahami lafaz _____



- 30 X dalam rajah di atas ialah _____


- Kehidupan amat sederhana.
- Tidak mempunyai pengawal peribadi.
- Lebih mengutamakan akhirat daripada dunia.

31. Pernyataan di atas ialah ciri kepimpinan _____ yang bersifat tawaduk.
32. Membiayai aktiviti pengumpulan tulisan-tulisan al-Quran ialah sumbangan Khalifah _____
33. Sejarawan telah mengiktiraf pencapaian umat Islam yang amat tinggi dalam bidang pendidikan, sains, teknologi, ekonomi dan ketenteraan pada zaman Abbasiyah sebagai zaman _____ tamadun Islam.

34. Para sarjana dari pelbagai pelosok dunia telah menjadikan kerajaan Abbasiyah sebagai pusat ilmu yang seimbang antara ilmu yang berteraskan wahyu dan ilmu yang berteraskan _____.

Soalan 35 dan Soalan 36 berdasarkan jadual di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Penguasaan umat Islam pada zaman Abbasiyah dalam bidang sains dan teknologi daripada orang	Rom
	35. _____
	36. _____



- 37 Tokoh bertanda X diatas adalah merujuk kepada imam _____.

Orang yang ingin belajar ilmu hendaklah berusaha mencarinya,
bukan ilmu yang datang mencarinya

- 38 Kata-kata di atas adalah prinsip yang dipegang oleh imam _____.
- 39 Jamaluddin al-Afghani digelar As-Sayyid kerana bersambung keturunannya dengan _____.
- 40 Amanah dalam adab berjual beli bermaksud penjual dan pembeli bersikap jujur dan tidak _____ dalam perniagaan.

Bahagian B
[60 markah]

Jawab **tiga** soalan : **Soalan 1** , **Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan berikutnya:

- 1 (a) (i) Nyatakan **dua** contoh khurafat yang pernah diamalkan dalam masyarakat Islam di negara kita. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor khurafat masih diamalkan oleh masyarakat Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan akibat amalan khurafat kepada seseorang. [4 markah]
- (b) Ahli Sunnah Waljamaah ialah kumpulan yang berpegang teguh dengan al Quran, Sunnah dan perkara yang dibawa oleh para sahabat.
- (i) Namakan dua orang pengasas mazhab ini. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kepentingan berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah. [2 markah]
- (c) Ajaran Bahai yang diasaskan oleh Husin Ali al Mazandarani adalah satu ajaran sesat.
- (i) Senaraikan **dua** ciri kesesatan ajaran ini. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara untuk mengelak diri anda dari terlibat dengan ajaran sesat. [4 markah]
- 2 (a) Insurans diharuskan dalam Islam bagi membolehkan ahli mendapat manfaat apabila ditimpa musibah.
- (i) Nyatakan **dua** jenis insurans yang terdapat di Malaysia. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** unsur yang perlu dielakkan dalam insurans. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** perbezaan insurans Islam dan insurans konvensional. [4 markah]
- (b) Isteri yang diceraikan suami perlu melalui idah seperti mana ketetapan syarak.
- (i) Nyatakan maksud idah [2 markah]
- (ii) Jelaskan hak dan status isteri semasa berada dalam idah talak raji. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah disyariatkan idah. [4 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi setiap situasi berikut :
- (i) En . Razif telah merujuk isterinya setelah bercerai secara khuluk selama satu bulan. [2 markah]
- (ii) Encik Halim telah melakukan ibadat korban pada hari raya haji yang ke empat [2 markah]

LIHAT SEBELAH
SULIT

- 3 (a) (i) Nyatakan **dua** faktor yang membantu kejayaan pentadbiran Khulafa' al-Rasyidin [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' al-Rasyidin. [4 markah]
- (b) Imam Abu Hanifah seorang tokoh yang berpengaruh besar dalam aliran Mazhab Hanafi.
- (i) Nyatakan ujian yang pernah dihadapi oleh beliau dalam mempertahankan pendiriannya [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** sumbangan beliau kepada tamadun Islam [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kegigihan Imam Abu Hanifah ketika menuntut ilmu yang boleh anda contohi. [2 markah]
- (c) Budaya ziarah menziarahi amat digalakkan di dalam Islam terutama sekali apabila berlakunya kematian.
- (i) Senaraikan **dua** perkara yang dilarang ketika menziarahi jenazah. [2 markah]
- (ii) "Setiap yang hidup pasti akan mati"
Terangkan kebaikan menghayati pernyataan di atas. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kelebihan yang diperolehi apabila menziarahi jenazah. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan penemuan sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah. [4 markah]
- (b) Ibnu Khaldun merupakan tokoh pelopor kepada pemikiran moden dalam pelbagai bidang.
- (i) Siapakah nama sebenar beliau? [2 markah]
- (ii) Terangkan garis panduan penelitian dan analisis sejarah menurut beliau. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kelebihan orang yang tekun mencari ilmu. [2 markah]

4. (c) Musafir merupakan perjalanan dari satu tempat ke satu tempat tertentu dengan tujuan yang baik.
- (i) Bilakah seseorang itu makruh bermusafir ? [2 markah]
- (ii) "Jauh perjalanan luas pemandangan"
Terangkan pendapat anda mengenai pernyataan di atas. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kebaikan melantik seorang ketua ketika musafir secara berkumpulan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT